

Headline **8,463 dijangkiti HIV di Pahang**
Date **28 Dec 2009**
MediaTitle **Sinar Harian (Pahang)**
Section **NEWS**
Journalist **ASWANY OMAR**
Frequency **Daily**
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**
Page No **2**
Article Size **302 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **1,661**
PRValue **4,983**



8,463 dijangkiti HIV di Pahang

ASWANY OMAR

KUANTAN – Seramai 8,463 dikesan dijangkiti HIV/AIDS di negeri ini tahun ini.

Daripada jumlah itu, 80 peratus daripadanya terdiri daripada penagih dadah, sementara selebihnya dijangkiti menerusi ibu mengandung dan hubungan seks rambang.

Pengurus Projek Drug Intervention Community (DiC) Abdullah Khalid Hashim berkata, daripada jumlah itu, seramai 327 mereka yang positif dikesan dari Januari hingga Julai lalu.

Menurutnya, statistik yang dikeluarkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) itu, turut menunjukkan bilangan yang dijangkiti AIDS di negeri ini antara yang teramai di negara ini, selepas Kelantan dan Terengganu.

"Jadi, sebagai kumpulan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang membantu pesakit AIDS dan mereka yang dijangkiti HIV, kami berusaha membantu dengan mengadakan pelbagai program pemulihan," katanya pada Majlis Kesyukuran sempena Hari AIDS Sedunia, di sini, semalam.

Beliau berkata, mereka tidak bersendirian kerana

turut mendapat kerjasama daripada Kerajaan Negeri, Jabatan Kesihatan negeri dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Katanya, hasrat DiC ialah menjadi platform kepada penagih dan membantu pesakit memenuhi keperluan mereka, dengan menjalankan perkhidmatan mengurus pesakit dan melawat mereka yang terlantar di rumah.

Khalid memberitahu, hasil bantuan Kerajaan Negeri, mereka mempunyai kemudahan kenderaan untuk menghantar pesakit mendapatkan rawatan di hospital.

"Kita turut menyediakan kemudahan kenderaan kepada pesakit mendapatkan rawatan di pusat perubatan khusus pesakit AIDS di Sungai Buluh, Selangor.

"DiC juga adalah satu-satunya NGO yang mengadakan kemudahan itu untuk menangani masalah keseluruhan penagih dadah yang dijangkiti HIV/AIDS," katanya.

Menurutnya, sehingga kini kira-kira 2,000 pesakit AIDS berada dalam keadaan kritikal dan memerlukan

bantuan pengurusan sukarelawan DiC.

Jadi, beliau berharap, orang ramai memberi sokongan untuk membantu pesakit terbabit.

"Trend kini, bukan sahaja penagih dadah yang dijangkiti penyakit yang belum ada penyembuh itu, tetapi mereka yang melakukan amalan seks bebas dan jangkitan daripada ibu mengandung juga meningkat kepada 19.3 peratus," katanya.

Khalid memberitahu, DiC mempunyai 75 kakitangan sepenuh masa dan ramai sukarelawan yang akan membantu ketika memerlukan, termasuk pegawai perubatan dari hospital.

Pengurusan DiC juga katanya sedang merancang mewujudkan rumah untuk pesakit AIDS kronik dan memerlukan bantuan dan pengurusan sewajarnya tahun depan.

"Kami bersetuju menjaga mereka yang memerlukan rawatan tetapi pada masa sama memerlukan sokongan kewangan untuk perubatan dan peralatan yang diperlukan pesakit," katanya.



● Ahli DiC bersama tetamu dan pengurusan program menyanyikan lagu 'Mereka yang rebah'.